

21/02/1997

Pemangkin perusahaan teknologi tinggi

LANGKAH Malaysia menerima tawaran menyelamatkan syarikat pembuat pesawat Belanda, NV Fokker, yang muflis adalah satu perkembangan menarik dalam industri penerbangan negara. Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedang mengkaji tawaran itu dan belum membuat sebarang keputusan mengenainya, tawaran itu saja sudah cukup membuktikan pengiktirafan terhadap kemampuan Malaysia dalam industri berkenaan.

Fokker bukanlah sebuah syarikat kecil, sebaliknya syarikat yang ditubuhkan pada 1919 oleh perintis industri penerbangan Belanda, Anthony Fokker itu adalah antara syarikat pembuat pesawat terbang tertua dan terkenal di dunia. Masalah yang dihadapinya meruncing Mac lalu apabila ia memfail notis bankrap berikutan pemegang saham terbesarnya, Daimler-Benz AG dari Jerman, menarik diri bersama saham bernilai AS\$1.5 bilion (RM3.75 bilion). Jika kerajaan bersetuju membantu memulihkan syarikat berkenaan, penyertaan Malaysia dipercayai akan dilakukan menerusi Khazanah Holdings Berhad, sayap pelaburan kerajaan yang terbabit dalam pelbagai pelaburan strategik di dalam dan luar negara. Dalam usaha itu, Khazanah dijangka bekerjasama dengan sebuah konsortium dari Poland. Kemampuan Khazanah memang tidak boleh dinafikan lagi kerana setakat ini ia sudah terbabit dalam pelbagai kegiatan yang berkait rapat dengan teknologi tinggi.

Bagaimanapun, kita berharap kerajaan dapat meneliti sehalus-halusnya tawaran berkenaan terlebih dahulu bagi memastikan penyertaan kita tidak merugikan. Ini kerana, sebelum ini sebuah konsortium yang diterajui syarikat Korea, Kumpulan Samsung, dikatakan berminat memulihkan syarikat berkenaan, tetapi kemudian membatalkan rancangan itu hingga meletakkan Fokker di tahap kritikal dengan tanggungan hutang berbilion dolar Amerika. Pembabitan Malaysia dalam memulihkan Fokker memang wajar jika ia boleh menguntungkan kerana usaha itu dapat membantu dalam menentukan arah haluan pembangunan industri strategik yang dapat memperkukuhkan lagi daya saing negara. Pergolakan ekonomi dan perdagangan antarabangsa yang kian menuju kepada pensejagatan pasaran bermakna persaingan pada masa depan bergantung ke atas keupayaan kita menghasilkan keluaran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan berteknologi canggih.

Selain itu, langkah berkenaan juga selaras dengan matlamat Khazanah untuk melaksanakan tanggungjawab seperti melabur dalam kerja penyelidikan dan pembangunan yang diusahakan di luar negara, khususnya dalam industri strategik seperti teknologi angkasa lepas, penerbangan, maklumat dan telekomunikasi. Khazanah perlu mempelopori usaha itu bagi memastikan Malaysia memperolehi teknologi terkini dalam industri strategik untuk membolehkan sektor perindustrian kita beralih kepada yang berteknologi canggih. Sememangnya, sejak awal 1990 lagi, Malaysia sudah menjadikan sektor penerbangan dan angkasa lepas sebagai tambahan kepada program industrialisasi negara. Malah, kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat tempatan menceburi bidang berkenaan. Setakat ini, beberapa pengusaha tempatan sudah terbabit dalam kegiatan pengeluaran pesawat ringan, walaupun hasilnya masih belum ketara. Kerajaan juga melalui Kumpulan Kerajaan dan Industri Malaysia Mengenai Teknologi Tinggi (MIGHT) sudah menandatangani pelbagai perjanjian serta memorandum persefahaman dengan pihak negara maju membabitkan bidang penerbangan dan angkasa lepas.

Kita yakin kerajaan akan mengambil langkah bijak sebelum membuat sebarang keputusan. Kita sedar kerajaan memang berminat dalam bidang

teknologi ini kerana sudah menjadi sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mengambilalih syarikat yang mempunyai kepakaran teknologi bagi menggalakkan pembangunan sektor tertentu dalam ekonomi negara. Ini sudah dibuktikan dengan pengambilalihan 80 peratus kepentingan dalam Lotus Cars Ltd, sebuah syarikat pengeluar kereta sport mewah Britain oleh Proton membatikan pelaburan RM210 juta. Malah, banyak lagi syarikat kecil tetapi memiliki kelebihan di segi teknologi yang boleh kita ambil alih demi menjayakan hasrat murni kerajaan itu. Apa yang jelas, peralihan Malaysia kepada industri berteknologi tinggi adalah selaras dengan perancangan dan matlamat yang termaktub dalam Wawasan 2020 serta juga didorong oleh keperluan semasa. Oleh itu, langkah kerajaan mengambil alih syarikat besar yang mempunyai kelebihan dari segi teknologi boleh dilihat sebagai satu daripada unsur pemangkin dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang berteraskan sains dan teknologi pada masa depan.

(END)